

27/11/1997

Enam ketua polis negeri naik pangkat

KUALA LUMPUR, Rabu - Enam ketua polis negeri turut terbabit dalam senarai 133 pegawai kanan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari seluruh negara yang dinaikkan pangkat dalam satu pengumuman yang dibuat Kementerian Dalam Negeri di sini, hari ini.

Timbalan Menterinya, Datuk Tajol Rosli Ghazali, berkata senarai kenaikan pangkat itu adalah seperti yang diluluskan Suruhanjaya Pasukan Polis yang bersidang pada 21 November lalu.

Mesyuarat itu dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Dalam Negeri.

Mengetuai senarai itu ialah Ketua Polis Johor, Datuk Zulkipli Mat Noor, yang dinaikkan pangkat kepada Deputy Komisioner (DCP).

Turut dinaikkan ke pangkat itu ialah Pengarah Jabatan Logistik PDRM, Datuk Kamaruddin Ali; Ketua Polis Perak, Mariman Taib dan Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Abdul Hamid Mustapha.

Turut dinaikkan pangkat ialah 12 pegawai kanan yang sebelum ini menyandang pangkat Senior Asisten Komisioner II (SAC II) kepada Senior Asisten Komisioner I (SAC I).

Mereka ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis Sarawak, Frederick Renggak Jimbau; Timbalan Pengarah Pengurusan PDRM, Datuk Hassan Mutalip; Ketua Polis Kelantan, Datuk Zakaria Mohammed; Timbalan Ketua Polis Selangor, Mohd Noor Hamat; Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Ramli Yusuff; Timbalan Pengarah Cawangan Khas, Amir Junus; Ketua Trafik Persekutuan, Datuk Supian Amat; Ketua Polis Perlis, Datuk Loo Choo Huat; Ketua Polis Melaka, Arthur Edmonds; Timbalan Pengarah Pengurusan PDRM, Datuk Syed Abdul Rahman Syed Kadir; Timbalan Pengarah Jabatan Logistik PDRM, Talib Jamal dan Penolong Pengarah Pengurusan PDRM, Hairuddin Mohamed.

Sementara itu, 22 pegawai kanan yang menyandang pangkat Asisten Komisioner pula dinaikkan ke pangkat Senior Asisten Komisioner II (SAC II).

Antaranya ialah Komander Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sabah, Mohd Yunus Othman; Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Syed Mokhtar Zubir Barakbah; Komander PGA Briged Tengah, Sulaiman Ali; Ketua Cawangan Khas Sabah, Zainal Shamsudin; Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Pulau Pinang, Amiruddin Che Embi; Ketua Cawangan Khas Johor, Khor Siang Phin; dan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Bandaraya, Mat Drus Sudin.

(END)